

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
TARIKH : 24.5.2016
SOALAN : NO. 107

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam membantu pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dalam meningkatkan tahap kesiapsediaan pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih berdaya saing serta memenuhi permintaan industri pada masa kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan terus diperkukuhkan melalui inisiatif strategik dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)]. Secara khusus, inisiatif utama bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dinyatakan dalam Lonjakan Pertama: Graduan Holistik, Seimbang dan Berciri Keusahawanan. Bagi membantu mahasiswa meningkatkan keupayaan bagi persediaan diri dalam pekerjaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan [Graduate Employability (GE)].

Program ini bertujuan untuk meningkatkan nilai tambah graduan dari aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan serta bersesuaian dengan keperluan industri.

Rangka Kerja Penjana Pekerjaan (*Job Creator Framework*) telah dibangunkan oleh KPT dengan tujuan untuk mengubah minda graduan daripada *job seeker* kepada *job creator*. Antara program yang telah dilaksanakan ialah usahawan siswa di mana mahasiswa digalakkan untuk berniaga di dalam dan luar kampus. Selain itu, program sangkutan dan bimbingan dengan kerjasama Permodalan Usahawan Nasional

Berhad, TERAJU, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia dan lain-lain juga dilaksanakan.

Selain itu, pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu [*Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)*] telah diperkenalkan pada September 2015 yang mana ia merupakan pendekatan baharu dalam penilaian pelajar. iCGPA melaporkan pencapaian holistik pelajar yang bukan hanya mentaksirkan pelajar berdasarkan pencapaian akademik semata-mata tetapi pelajar juga ditaksir dari segi keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan kemahiran berkomunikasi.

Pelajar-pelajar juga didedahkan dengan syarahan dan berinteraksi dengan tokoh-tokoh korporat daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan, industri terkemuka dan pegawai tinggi Perkhidmatan Awam melalui *CEO Faculty Programme*. Antaranya adalah Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Tony Fernandes, Group CEO Air Asia dan Tan Sri Johan Jaafar, Chairman Nobel International School. Program ini juga akan membantu menambah baik kurikulum dan meningkatkan kolaborasi antara akademia dan pihak industri.

Program 2u2i juga telah diperkenalkan oleh KPT yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja) di mana pelajar akan belajar selama 2 tahun di universiti dan selama 2 tahun lagi menimba pengalaman di industri. Program ini akan ditawarkan oleh Universiti Malaysia Kelantan melalui Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian dan Universiti Putra Malaysia melalui Bacelor Sains Pengurusan Perladangan mulai September 2016.

Kepentingan penguasaan bahasa Inggeris dalam keperluan pasaran telah menggerakkan UA untuk turut menggabungkan kelayakan penguasaan bahasa Inggeris sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan kualiti graduan sesuai dengan permintaan dan kehendak pasaran kerja di peringkat nasional dan antarabangsa. Peratusan pencapaian *Malaysian University English Test (MUET)* Band 3 dan ke atas bagi Sesi Akademik 2015/2016 adalah sebanyak 62.87% berbanding 35.02% bagi sesi 2014/2015. Ini menunjukkan satu peningkatan dan lonjakan yang sangat ketara iaitu sebanyak 27.85%.

Melalui program-program tersebut, KPT berkeyakinan pelajar akan dapat meningkatkan penguasaan *soft skills* serta mempunyai pengetahuan, kemahiran serta sikap yang sesuai untuk bekerja, selain daripada mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang keusahawanan.